

Adun nafi projek terbengkalai


LEMBAH JAYA - Projek tembatan banjir dan mendalamkan sungai di Kampung Tasik Permai di sini masih berjalan walaupun telah melepasi tarikh asal jadual projek.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz berkata, dakwaan projek tersebut terbengkalai tidak benar malah Kerajaan Negeri sedang mengatasi masalah ini bagi memastikan projek berkenaan siap bagi mengatasi masalah banjir di kawasan terbabit.

“Kerja bagi projek tersebut telah bermula pada Disember 2011 dan dijangka siap dalam tempoh terdekat ini,” katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, Kerajaan Negeri juga tidak berhasrat untuk melantik kontraktor lain bagi menggantikan kontraktor projek sekarang kerana ia akan melewati lagi projek tersebut disiapkan.

Mengulas lanjut berhubung banjir kilat di Kampung Tasik Permai minggu lalu, beliau berkata, kejadian berpunca apabila terdapatnya kerja-kerja



KHASIM

projek pembinaan perumahan berhampiran kampung ini.

Katanya, tanah dari tapak projek perumahan tersebut telah runtuh dan mengakibatkan parit dan longkang tertimbus sehingga menyebabkan pengaliran air tersekat.

“Sebelum projek tersebut dibangunkan, Kampung Tasik Permai tidak pernah mengalami banjir sebegini malah penduduk juga mendakwa tidak pernah ditimpa musibah sejak 30 tahun.

“Bagaimanapun, hujan lebat yang luar biasa pada hari



Projek tembatan banjir dan pendalaman sungai masih berjalan di Kampung Tasik Permai.

tersebut telah memburukkan lagi keadaan,” katanya.

Selain itu Khasim berkata, beliau turut dalam perancangan untuk menyampaikan

sumbangan kepada mangsa banjir Kampung Tasik Permai dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.